

29 DEC 2002

Shahrizat-Rumah (Bergambar)

K'JAAN NEGERI HARUS MULAKAN PENGAGIHAN RUMAH IBU TUNGGAL

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Kerajaan negeri, terutamanya pihak berkuasa tempatan, diingatkan supaya tidak melengahkan pelaksanaan dasar pengagihan rumah kos rendah kepada ibu tunggal mulai tahun depan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kerajaan negeri sepatutnya melaksanakan dasar itu dengan baik di peringkat akar umbi mulai Januari lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2003 di Parlimen September lepas telah mengumumkan dasar pengagihan rumah kos rendah kepada ibu tunggal dan keutamaan diberi kepada ibu tunggal berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan.

Jumlah ibu tunggal di negara ini kian bertambah dengan statistik kementerian pada tahun 2000 mendapati kira-kira 711,000 orang wanita menjadi ketua isi rumah, kata Shahrizat kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Ibu Tunggal anjuran bersama kementerian itu dan Malaysia Hindu Sangam di sini, hari ini.

"Ini menunjukkan bahawa wanita terutamanya ibu tunggal harus diberi peluang untuk mencari pendapatan kerana inilah cara terbaik untuk mereka menyara hidup," katanya.

Konvensyen sehari itu adalah yang pertama seumpamanya diadakan bagi mengumpul ibu-ibu tunggal kaum India dan ketua-ketua persatuan wanita India bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh ibu tunggal dan sesi kaunseling panduan mendapatkan pekerjaan.

Shahrizat berkata kementerian itu dalam pengagihan peruntukan khas baru-baru ini telah menyalurkan sebanyak RM5 juta kepada pusat kemahiran di peringkat negeri bagi membantu melatih wanita, khususnya golongan ibu tunggal, dalam bidang komunikasi maklumat dan teknologi (ICT).

-- BERNAMA

FA HK RON